

Penganjur Utama:



Penganjur Bersama:



Pengurus Program:



---

## Pelaksanaan BIM dalam Projek Kerajaan

### *How to Implement BIM in JKR's Projects*

**Tarikh:** 6 September 2022  
**Masa:** 8.00 pg – 6.00 ptg  
**Tempat:** JKR Johor  
Kompleks JKR Johor 2, Taman Nusantara,  
81550 Gelang Patah, Johor Bahru, Johor  
**Harga:** RM 106 (*Early Bird until 22 Aug 2022*)  
RM 159 (*Normal Rate*)  
(*Harga termasuk SST*)

**BEM CPD Hours: 8**  
**Ref. No.: IEM22/SB/299/S**

#### Objektif:

Seminar ini dianjurkan oleh IEM dengan sokongan JKR bagi meningkatkan tahap kesedaran dan kesediaan penggiat industri pembinaan khususnya para jurutera awam tentang pelaksanaan BIM dalam projek Jabatan Kerja Raya (JKR). Para penceramah terdiri daripada pakar yang berpengalaman dan terlibat secara langsung dalam pelaksanaan BIM bagi projek Kerajaan. Seminar ini dapat memberi manfaat dan pengetahuan kepada perunding, kontraktor dan pelbagai agensi kerajaan untuk bersama-sama menjayakan pelaksanaan BIM dalam projek-projek kerajaan seterusnya merealisasikan hasrat pendigitalan sistem penyampaian projek dan pengurusan aset menyeluruh.

#### Penceramah:

**Ir. Ahmad Ridzuan bin Abu Bakar**

Jurutera Awam Penguasa Kanan (J54), Unit BIM, JKR.  
Certified BIM Manager & Master Trainer CIDB.

**Ir. Ts. Mohd Faiz bin Shapiai**

Jurutera Awam Kanan, Unit BIM, JKR.  
Certified BIM Manager & Master Trainer CIDB.

**En. Muhammad Iyas bin Mahzan**

Managing Director of UTM Resources Sdn Bhd  
Certified BIM Manager & Master Trainer CIDB.

**En. Razak Wong Chen Keng**

Managing Director of Geodelta Systems Sdn Bhd.  
Specialist in BIM 3D Laser Scanning.

**En. Bryan Ewe Teik Tsia**

Co-Founder and Chief Developer of MES and  
MiLA Software.

Tentatif	
08:00 pg - 08:30 pg	Pendaftaran Peserta
08:30 pg - 08:45 pg	Ucapan Perasmian
08:45 pg - 09:15 pg	Pengenalan
09:15 pg - 10:15 pg	Pembentangan 1: Aspirasi dan Hala Tuju Pelaksanaan BIM di JKR
10:15 pg - 10:30 pg	Rehat dan Minum Pagi
10:30 pg - 12:00 t/h	Pembentangan 2: Pelaksanaan BIM dalam Projek Bangunan JKR
12:00 t/h - 01:00 ptg	Pembentangan 3: Integrasi BIM dalam Projek Pembinaan (Struktur)
01:00 ptg - 02:00 ptg	Rehat dan Makan Tengahari
02:00 ptg - 03:15 ptg	Pembentangan 4: Integrasi BIM dan GIS dalam Projek Infrastruktur JKR
03:15 ptg - 04:15 ptg	Pembentangan 5: Integrasi BIM dalam Projek Pembinaan (Infrastruktur)
04:15 ptg - 04:30 ptg	Rehat dan Minum Petang
04:30 ptg - 05:45 ptg	Pembentangan 6: Penyediaan Lukisan Terukur / Validasi Kerja Pembinaan melalui BIM
05:45 ptg - 06:00 ptg	Sesi Soal Jawab
06:00 ptg	Ucapan Penutup

Register here:



Untuk sebarang pertanyaan sila hubungi:  
 Ms Amber: 03-5885 1250 / 016-227 3304  
 amberwang@mes100.com

# BIODATA PENCERAMAH




## **Ir. Ahmad Ridzuan bin Abu Bakar**

Ir Ridzuan mempunyai pengalaman selama 22 tahun dalam industri pembinaan dan telah terlibat dalam pelaksanaan BIM sejak tahun 2010. Sebagai Ketua Unit BIM Cawangan Perancangan Aset Bersepadu JKR Malaysia, beliau bersama para pegawai Unit BIM berperanan melaksanakan pelbagai program pembangunan kompetensi, penyediaan dokumen piawaian dan rujukan, pemantauan projek, khidmat nasihat teknikal dan kajian di peringkat Jabatan bagi memperkasakan adaptasi BIM khususnya dalam projek Kerajaan. Beliau juga terlibat dalam beberapa program BIM anjuran Institusi Pengajian Tinggi, Agensi Kerajaan, pihak swasta dan pelbagai Jawatankuasa di peringkat Kebangsaan seperti Jawatankuasa Pelan Transformasi Industri Pembinaan (2016-2020) dan Pelan Strategik Pembinaan 4.0 (2023-2025).

## **Ir. Ts. Mohd Faiz bin Shapiai**

Ir. Ts. Mohd Faiz berpengalaman luas selama 16 tahun dalam bidang Sivil & Struktur serta Building Information Modelling (BIM) dan kini berkhidmat di Unit BIM, Cawangan Perancangan Aset Bersepadu, Jabatan Kerja Raya (JKR) Malaysia. Beliau bertanggungjawab dalam memberi khidmat nasihat teknikal serta memastikan pelaksanaan BIM berjalan dengan jayanya khusus di JKR dan industri pembinaan di Malaysia amnya. Beliau juga merupakan Jurutera Profesional berdaftar BEM, Ahli dalam IEM, ACPE serta Teknologis Profesional berdaftar MBOT. Selain itu, beliau merupakan tenaga pengajar dalam bidang BIM di JKR, CIDB dan dilantik sebagai penceramah luar untuk agensi-agensi luar dan akademik. Ir. Faiz memegang Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Awam (UTM) dan Ijazah Sarjana dalam Pengurusan Projek (UTM).



## **En. Muhammad Iyas bin Mahzan**

En. Muhammad Iyas merupakan pengarah UTNM Resources Sdn Bhd, yakni sebuah syarikat konsultasi BIM. Beliau memulakan kerjaya di dalam bidang pendigitalan industri pembinaan dengan mengajar perisian Autodesk Revit dan seterusnya menjadi pengurus pusat latihan Autodesk. Beliau telah mengajar lebih 1,000 peserta dari pelbagai sektor kerajaan dan swasta seperti JKR Malaysia, CIDB dan pelbagai syarikat lain. Dengan pengalaman selama 10 tahun, beliau terlibat dalam pembangunan piawaian BIM dan turut memberikan khidmat nasihat kepada industri. Beliau terlibat dengan beberapa projek BIM sebagai perunding dan juga pengurus BIM. Dengan pengalaman yang luas, beliau diberikan kepercayaan untuk membangunkan 2 buah modul BIM bagi CIDB.



## **En. Razak Wong Chen Keng @Razak B.ChongMing**

En. Razak Wong mempunyai pengalaman industri selama 24 tahun dalam Instrumentasi ukur dan menceburi perkhidmatan penangkapan data 3D dan Pemodelan 3D sejak 2006. Beliau pakar dalam Pengimbasan laser 3D, fotogrametri, SCAN to BIM dan aplikasi BIM. Beliau telah menamatkan ijazah Sarjana pertamanya dalam bidang ukur dan sains pemetaan (UK, 1998), Sarjana Pentadbiran Perniagaan (UK, 2004) dan sijil dalam BIM (UK, 2020). Beliau kini merupakan Pengarah Urusan Geodelta Systems Sdn Bhd yang membekalkan aliran kerja pembinaan digital dan perkhidmatan pemodelan menggunakan standard BIM antarabangsa dan Tempatan. Beliau juga Pengarah projek yang mengetuai pasukan pakar model dalam menyampaikan kerja A&A dengan perkhidmatan Scan to BIM & menggunakan BIM dalam kerja pembinaan, reverse engineering, pemeriksaan kualiti pembinaan, pengurusan aset dan mempunyai minat yang besar dalam Visualisasi 3D, Realiti Maya dan Digital Twin.



## **En. Bryan Ewe Teik Tsia**

En. Bryan memperolehi Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Awam dan Ijazah Sarjana dalam Pengurusan Saliran Mesra Alam secara Penyelidikan daripada Universiti Sains Malaysia (USM). Beliau ialah pengasas bersama dan pengarah MES Innovation Sdn Bhd dan CP Development (M) Sdn Bhd. Beliau mempunyai pengalaman lebih daripada 15 tahun dalam Reka Bentuk Kejuruteraan dan Pembangunan Perisian Kejuruteraan Awam dan BIM.

